



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PENDIDIKAN AWAL TENTANG STANDARD: USAHA PROAKTIF JABATAN STANDARD MALAYSIA

Sungai Pial, Kedah, 27 Julai 2025 – Seramai 100 orang pelajar Tahun 5 dan 6 dari Sekolah Kebangsaan (SK) Singkir telah diberikan pendedahan awal mengenai konsep dan kepentingan standard dalam kehidupan seharian melalui Program *Standards Education* anjuran Jabatan Standard Malaysia (JSM).

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif JSM yang bertujuan untuk meningkatkan literasi standard dalam kalangan generasi muda serta memupuk kesedaran awal terhadap peranan standard dalam memastikan keselamatan, kualiti dan kesejahteraan masyarakat.

SK Singkir merupakan Sekolah Angkat MADANI di bawah seliaan JSM, dan terletak bersebelahan dengan Kampung Sungai Pial – kampung yang telah diangkat sebagai Kampung Angkat MADANI oleh JSM, menjadikannya lokasi strategik untuk pelaksanaan aktiviti pendidikan dan pemerkasaan komuniti.

Menurut Guru Besar SK Singkir, “Program *Standards Education* telah membantu pelajar untuk lebih memahami bagaimana standard memberi kesan kepada kehidupan harian mereka. Melalui aktiviti dan penerangan yang diberikan, pelajar mula menyedari bahawa standard bukanlah sesuatu yang jauh atau rumit, sebaliknya ia sangat dekat dengan mereka. Contohnya, mereka belajar bagaimana standard menentukan kualiti makanan yang selamat dimakan, alat tulis yang tidak berbahaya dan pakaian yang selesa.

Menerusi pelbagai aktiviti interaktif yang dijalankan sepanjang program, murid-murid SK Singkir berpeluang meneroka dunia standard secara santai namun bermakna. Aktiviti ini bukan sahaja membuka minda pelajar-pelajar tentang kepentingan standard, malah turut membina kesedaran awal tentang tanggungjawab sosial dan nilai integriti dalam setiap aspek kehidupan.

Selain itu, program ini turut diserikan dengan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan sekolah yang melibatkan kerjasama antara warga JSM, guru, ibu bapa, pelajar dan penduduk kampung. Aktiviti seperti membersihkan surau, bangunan pra-sekolah dan kantin; mengecat bilik darjah dan merumput padang bukan sahaja menceriakan persekitaran sekolah, malah menyemai semangat kebersamaan serta rasa tanggungjawab dalam kalangan komuniti setempat.

Program ini juga turut diselitkan dengan lawatan ke enam (6) projek komuniti yang sedang berjalan di kampung tersebut. Antara fokus utama projek termasuk inisiatif dalam bidang pendidikan, kebersihan, keusahawanan komuniti, keselamatan makanan, serta usaha memperkukuh kebolehpayaan ekonomi desa melalui pemindahan ilmu dan bimbingan berterusan.

Keseluruhan inisiatif ini menunjukkan komitmen berterusan JSM dalam memperkukuh jaringan pendidikan dan kolaborasi bersama komuniti, seiring dengan peranan agensi ini dalam membudayakan standard sebagai elemen penting pembangunan negara khususnya dalam memperkasa komuniti luar bandar menerusi pendekatan yang inklusif, lestari dan berpaksikan ilmu.

----TAMAT----

**JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)
27 JULAI 2025**

Tentang JSM:

Jabatan Standard Malaysia (JSM) ialah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). JSM berperanan sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang membangunkan serta mempromosikan Standard Malaysia (MS), dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal, badan pensijilan dan pemeriksaan.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik JSM

Telefon : 03-8008 2891/ 017-313 1128

Faks : 03-8008 2901

E-mel : uks@jrm.gov.my